

17/07/1999

Formula satu lawan satu tidak gugat BN

KUALA LUMPUR, Jumaat - Formula satu lawan satu yang akan digunakan oleh pembangkang untuk menghadapi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang tidak mengancam peluang kemenangan BN.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, berkata ini kerana kerajaan BN sekarang sudah terbukti mampu membawa banyak pembangunan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara ini secara keseluruhannya.

"BN di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, sudah banyak berjasa dan masih mempunyai banyak agenda pembangunan jangka panjang yang perlu dilaksanakan.

"Bagaimanapun, keputusannya terpulang kepada rakyat. Kerajaan yang macam mana mereka kehendaki?" katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Pemuda MCA, di sini hari ini.

Turut hadir Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Onn serta wakil daripada beberapa pergerakan pemuda parti komponen BN.

Lim yang juga Menteri Sumber Manusia yakin BN akan mampu mengekalkan kerajaan yang ada sekarang serta meminta orang ramai tidak terpedaya dengan pelbagai isu yang ditimbulkan oleh pembangkang menjelang pilihan raya nanti.

Sementara itu, Hishammuddin yang juga Pemangku Ketua Pemuda BN berkata corak peralihan pemimpin yang ditunjukkan oleh parti itu hari ini adalah gambaran keseluruhan kematangan dan perpaduan ahli parti.

Beliau juga yakin semangat seumpamanya akan menyumbang kepada kemenangan BN pada pilihan raya akan datang.

"Untuk itu kita perlu menyusun strategi, wawasan dan perancangan untuk membela rakyat dengan agenda pembangunan berterusan untuk masyarakat majmuk negara ini.

"Dalam usaha ini, BN sudah terbukti mampu memimpin negara ini dengan memperolehi pembangunan dan kemakmuran seperti yang ada sekarang," katanya.

Beliau juga berkata untuk tujuan menyemarakkan semangat perjuangan pemuda BN satu konvensyen akan diadakan di Sabah pada hujung bulan depan.

Katanya, konvensyen selama tiga hari itu akan disertai oleh pemimpin pemuda BN serta pucuk pemimpin parti komponen dari seluruh negara selepas selesai semua persidangan tahunan masing-masing.

"Ia adalah usaha untuk menggabungkan tenaga pemuda parti induk ini di samping memberikan kesempatan kepada kita untuk menyemarakkan lagi semangat BN menjelang pilihan raya," katanya.

(END)